

FEMINISME: ANTARA ILUSI DENGAN REALITI

Amida @ Hamidah Abdulhamid

Objektif

Diandaikan bahawa kalimah feminisme bererti perjuangan wanita ke arah meningkatkan martabat dan status wanita itu sendiri dalam bidang politik, ekonomi dan sosial supaya setara dengan lelaki melalui pendidikan dan peluang yang saksama di dalam masyarakat. Dengan andaian demikian kesan atau hasil kegiatan feminisme ini dalam lembaran cerpen dan novel akan dijejaki, dan sekaligus analisis tentang sama ada feminisme yang tercapai dalam kehidupan wanita Malaysia setiap hari itu dirakam dengan adilnya di dalam mencerminkan *weltanschauung* atau pandangan jagat penulis dan budaya Melayu itu sendiri.

Feminisme: Antara Ilusi Dengan Realiti

Sejarah pergerakan feminisme tidak perlu diperturunkan secara terperinci, memadai dengan menyatakan bahawa feminisme tercetus gerak nadinya di luar negara seperti di sfera Barat. Pengaruh pergerakan ini dibawa ke Asia Tengah dan terus ke negara-negara Timur. Sayang sekali pergerakan feminisme ini tidak diambil iktibar dari kitab suci al-Quran yang sememangnya telah mengangkat martabat wanita kepada martabat yang mulia, kalau tidak sama dengan lelaki di dalam masyarakat.

Daripada pengaruh luar ini terbitlah novel *Faridah Hanom* karangan Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi pada tahun 1925 yang dapat dikatakan sebagai novel sebelum perang yang memaparkan satu aspirasi baru, iaitu emansipasi wanita. Pada tahun 1928 pula terbit karya Ahmad Rashid Talu dengan judul *lakah Salmah?* yang juga menggarap judul nama wanita dan tentang emansipasi wanita. Dua buah novel ini dihasilkan sebelum perang, sebelum kaum wanita (kecuali segelintir yang berkemampuan dari keluarga berada dan terpelajar, seperti halnya Faridah Hanom dan Salmah sebagaimana yang dihayatkan di dalam kedua-dua buah novel berkenaan) diberi kebebasan menuntut ilmu.

Perjuangan Faridah Hanom dan Salmah, walaupun dikatakan tentang emansipasi wanita, menggunakan metodologi yang berbeza. Faridah Hanom yang ghairah berbincang tentang “peratoran perjalanan negeri dan kemajuan kaum bangsanya, dan kebebasan perempuan yang di bangunkan atas kemajuan dan pengetahuan” (hlm 50) tidak menjadikan

dirinya contoh, pada tahap awal novel, yang patut diteladani. Tindakan Faridah Hanom banyak sekali menyimpang dari etika peradaban. Keasyikannya bercinta dengan Shafik Afandi melupakan imannya daripada bertindak sebagai wanita berilmu dunia dan akhirat. Faridah Hanom hilang segan silu seorang wanita (yang sepatutnya sifat ini ada pada kaum wanita walau setinggi mana ilmu dan kejayaannya) kerana mengambil langkah pertama menulis surat cinta kepada Shafik Afandi. Beliau juga yang mula-mula menulis surat cinta kepada Shafik Afandi di Iskandariah setelah beliau berkahwin dengan Badaruddin Afandi. Faridah cuba mempelopori kebebasan wanita mengikut aliran yang sopan lagi bersih, tetapi beliau bertemu kekasihnya di taman apabila lewat malam dan menjelang dinihari, juga sering membohongi ibu bapa untuk melunaskan janjinya bertemu Shafik Afandi. Malah Faridah membuat dayangnya bersuhabat dengannya dalam melakukan perkara mungkar ini.

Tindakan Salmah berbeza daripada Faridah Hanom. Salmah beruntung mendapat ayah yang *understanding* dan yang memahami sistem pendidikan yang liberal. Salmah berani menyuarakan pendapat di hadapan rakan dan ayahnya sendiri, malah dia bersedia menerima pandangan orang lain yang berlainan daripadanya seperti Mahmud yang membantah pendapat Salmah tentang isu wanita berkelubung (hlm. 156-159). Kedudukan Salmah membuktikan kewibawaan seorang wanita yang yakin pada dirinya berasaskan ilmu pengetahuan yang seimbang antara sekular dan agama. Apabila Salmah dipanah bunga asmara dengan Zainin, dia tidak menjadi mabuk seperti mabuknya Faridah Hanom. Salmah bercinta, tetapi masih memelihara kesopannya.

Terdapat persamaan tindakan pada gerak laku Salmah dengan Nfissa di dalam *Les Alouettes Naives* oleh Assia Djebar (Mikhail: 72):

"Nfissa in the process of loving didn't lose herself but rather awoke to herself, held herself high as a marble statue, but also a statue of clay that could be molded and take new forms."

Nfissa meletakkan tanggungjawab ke atas dirinya untuk mencari formula membentuk jatidirinya tanpa menggadai kebebasannya dan sekaligus berdiri sama tinggi dengan orang lain.

Kegiatan Faridah Hanom yang konkrit ke arah memartabatkan kaum wanita hanya terdapat pada suku bahagian terakhir novel berkenaan, iaitu misalnya, dengan terbangunnya "beberapa sekolah perempuan yang baharu, dan ditolong-nya beberapa sekolah yang telah sedia yang berhajat kepada pertolongan" (hlm 329). Langkah ini membuahkan hasil apabila muncul ilmuwan wanita menangani akhbar Arab dan Perancis akibat semakin ramai anak perempuan yang dihantar ke sekolah. Ekoran daripada kesempatan menuntut ilmu ini lahir suara wanita yang menuntut hak mereka bersuara (hlm. 329).

Pengakhiran novel *Faridah Hanom* mengibarkan kecapaian aktiviti feminisme yang gemilang di Eropah termasuk Rom dan Paris, dan Amerika. Secara logiknya, sekiranya pada zaman sebelum perang sudah dibayangkan gara-gara kebangkitan wanita, maka kegiatan berkenaan seharusnya menjadi lebih ketara setelah perang tamat. Anchnya, kebangkitan wanita ini tidak berlaku secara menyeluruh. Mona N. Mikhail, ilmuwan yang dilahirkan di Mesir menyorot di dalam tulisannya *Images of Women in North African Literature: Myth or Reality?* (1981: 65) bahawa:

FEMINISME: ANTARA ILUSI DENGAN REALITI

Recent literature depicts woman as a repository of many contradictions – she is given as a wife, a sexual object, or a companion by those who wish to limit her existence to the confines of motherhood and wifedom.

Tidak ada sebarang petunjuk yang mengisbatkan taraf wanita, di dalam novel *La Repudiation* oleh Rachid Boujedra sebagaimana yang dibicarakan Mona, setara dengan lelaki. Malah, menulis Mona lagi, “*Women are constantly in search of their equilibrium*”. (1987: 67).

Watak ibu di dalam *La Repudiation* ternyata kehadirannya di pinggiran. Dia tidak berhak untuk bersuara, apatah lagi apabila si suami berkahwin lagi dengan gadis berumur lima belas tahun. Si ibu menjadi mangsa di dalam budaya yang “...*fiercely guarded by the men of the tribe who alone are entitled to exercise their legal rights...*” (Mikhail: 66).

Sungguhpun wanita boleh dikatakan sudah mencapai tahap yang amat dibanggakan menurut milieu yang pelbagai seperti pendidikan, ekonomi, perundangan, perubatan dan politik di dalam realiti hidup, tetapi pencapaian cemerlang ini tidak banyak dirakam penulis di dalam cereka. Bilangan penulis yang memaparkan pencapaian wanita yang berjaya di dalam hidup belum lagi sampai kepada tahap yang membanggakan. Anis Sabirin di dalam “*Bahawa Hidup Itulah Cintaku*” (dalam *Mustika Diri*. 1994: 18-43) melukiskan secebis kisah lama lima orang wanita berpendidikan tinggi yang masing-masing memegang jawatan tinggi: Azian sebagai editor, Khalidah sebagai Pegawai Analisa Ekonomi dan Politik di Kementerian Pertahanan, Salmiah di Kementerian Kewangan, Sarah di Universiti Malaya, dan Hendon di Dewan Bahasa. Azian dinaikkan pangkat dari pembantu editor kepada editor setelah membuktikan dirinya sebagai pegawai yang rajin dan cekap. Kenaikan pangkat Azian tidak menyangkut hal-hal diskriminasi kerana kenaikan pangkat itu dilaksanakan di atas dasar merit dan pencapaian Azian; maka di sini sudah dapat satu manifestasi feminisme yang berjaya diperjuangkan.

Datin Sabiha di dalam “Orang Perjuangan” karya Zaharah Nawawi (dalam *Mustika Diri*: 1994: hlm 379-387) mempunyai semangat yang kental dalam perjuangan politiknya. Sebagai wakil rakyat kawasan Bukit Perahu, Datin Sabiha tidak jemu-jemu menyuarakan permintaan penduduk kawasannya sehingga terbit reaksi kurang senang daripada pihak tertentu

...Nampaknya dari mula Yang Berhormat menjadi Wakil Rakyat kawasan kami sejak empat belas tahun yang lalu tidak ada perkara baru yang telah disuarakannya dalam setiap sidang. Tiap tahun hanya membawakan perkara yang sama: mengenai paip air, lampu elektrik, jalan-jalan raya, yang saya rasa sudah basi dan tidak perlu disuarakan lagi....sepatutnya bijak mencari hal-hal baru yang menarik untuk dikemukakan... (hlm 386)

Demikian petikan tulisan penulis yang menamakan dirinya ‘Bosan’ di dalam sebuah akhbar. Penulis ‘Bosan’ ini tidak memahami perjuangan Datin Sabiha. Demikian juga Amin, wartawan yang menghubungi Datin Sabiha untuk liputan yang dibuatnya di Sidang Dewan Negeri. ‘Bosan’ menganggap bahawa Datin Sabiha kekeringan modal dan ilham untuk dikemukakan di dewan, manakala Amin menganggap Datin Sabiha mudah cair apabila berdepan dengan cabaran. Isu yang sama disuarakan Datin Sabiha di Sidang Dewan Negeri

kerana isu itu belum ditunaikan pihak berwajib; padahal paip air, lampu elektrik dan jalan raya merupakan keperluan asas dalam kehidupan. Maka itulah selagi isu ini tidak ditunaikan pihak atasan, Datin Sabiha akan terus-menerus melantangkan suaranya menuntut janji-janji tentang hal-hal yang berkenaan itu. Biar basi isu itu pada pendengaran orang, tetapi bagi Datin Sabiha, isu itulah isu segar yang akan diperjuangkannya. Dia tidak mudah keliru antara 'perjuangan' dengan 'publisiti'. Datin Sabiha dipilih menjadi wakil rakyat: dia diberi hak setaraf dengan keupayaan dan kebolehannya. Dan dengan pemilihan itu, beliau menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sejujur dan seikhlas yang termampu olehnya. Di dalam cerpen ini kita berpeluang berkenalan dengan Datin Sabiha yang tekun memperjuangkan hak ahli masyarakatnya di dalam sebuah negara demokrasi. Kewibaannya sebagai pemimpin masyarakat amat menyerlah.

Di sebaliknya cuba lihat Jeha di dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* (Shanon Ahmad) yang tidak punya kekuatan menghadapi rintangan dan percubaan hidup – tanpa Lahuma Jeha menjadi terumbang-ambing, hilang pegangan, dan hilang pedoman. Jeha sepatutnya meneruskan perjuangannya bersawah; walaupun dia akan gagal, kegagalan itu tidak boleh dijadikan ukuran kekayaan perjuangannya. Yang penting ialah perjuangan itu mesti diteruskan. Kemudian lihat juga Salina di dalam novel senamanya *Salina* (Samad Said) yang tidak menunjukkan kegigihan mengatasi masalah emosi. Demikian juga halnya dengan Azrina di dalam "Salji Masih Lebat" karya Habsah Hassan (dalam *Cerita Seorang Seniman* 1987:87-102). Sungguhpun sudah ditinggalkan Rusdi, Azrina masih berharap agar Rusdi kembali kepadanya. Azrina tidak cecal mengendalikan emosinya sungguhpun dia arif bahawa "... yang jadi mangsa, wanita. Yang susah, wanita. Yang selalu menangis, menunggu, berharap, melepas juga wanita. Kadang-kadang Azrina merasa dunia ini semata-mata untuk lelaki saja" (hlm 91-92). Dunia ini semata-mata untuk lelaki akan menjadi satu kenyataan jika wanita membenarkan perkara itu berlaku. Sekiranya wanita itu menyedari bahawa dia punya hak ke atas hidup di dunia ini, maka dia tidak akan membenarkan lelaki memperkotak-katikan hidup wanita itu. Kita lihat pula Jamilah di dalam "Tamunya Seorang Menteri" karya S. Othman Kelantan (dalam *Hadiah*. 1972: 237-258) yang nyata sekali digambarkan sebagai seorang insan diinjak perilaku manusia-manusia 'penting' yang hanya Jamilah menyedari hakikat dirinya diperbuat sedemikian cara tetapi dia tidak mahu memperbetulkan keadaan; dia tidak berusaha melepaskan dirinya daripada menjadi buruan nafsu syahwat. Jamilah tidak cacat; dia sempurna anggota fizikalnya (malah amat sempurna), dia mampu berfikir.

Ya, Saya sadar. Masharakat memandang orang2 serupa saya ni pelachur. Sampah dalam sebuah masharakat yang bersopan-santun. Tapi kaum seperti saya ni amat diperlukan oleh orang2 seperti tuan.
(hlm 252)

Sekiranya Jamilah sudah menyedari dirinya dianggap sebagai sampah masyarakat kerana aktiviti yang dijalankannya, mengapa tidak dia sendiri mengorak langkah untuk membersihkan imejnya itu? Jamilah tidak menyorot dirinya dari aspek objektivisme: bahawa pelacuran itu salah dan tetap salah walaupun permintaannya amat tinggi. Besar kemungkinan Jamilah sendiri yang merelakan dirinya untuk terus hanyut di dalam arus sampah itu. Dalam kes ini Jamilah tidak berusaha untuk memperjuangkan haknya sebagai seorang wanita dan seorang manusia. Hanya pada akhir cerita Jamilah muncul sebagai isteri kepada seorang

menteri, bererti martabat Jamilah bertukar dengan campur tangan suaminya.

Menyebut satu contoh lagi, kita perhatikan watak Lucy Mei di dalam cerpen "Hadiah" tulisan Yahaya Ismail (dalam *Hadiah*. 1972: 269-279) yang pada mata Tuan Mustahak "... Gadis ini tidak punya apa2 fikiran yang lain lagi. Tiap-tiap pemberian harus diterima. Tidak perlu dikaji sumber-sumbernya. Chara-charanya dan taring2 yang terlekat pada pemberian itu." (hlm 275). Dengan perkataan lain, Lucy Mei, setiausaha sulit Tuan Mustahak, ialah seorang perempuan mata duitan. Dan Lucy Mei digambarkan sedemikian rupa pada akhir cerita kerana dia rela diperalatkan untuk menundukkan Tuan Mustahak, ketuanya sendiri. Lucy Mei sanggup berbuat apa sahaja untuk mendapatkan habuan dalam bentuk sebuah rumah daripada Mr. Hendry Chong Jr.

Gambaran wanita yang layak dengan haknya sebagai manusia dan wanita itu sendiri tidak banyak bilangannya. Beberapa andaian dapat dibentuk untuk menjelaskan mengapa hal sedemikian berlaku:

1. Sungguhpun dalam realiti hidup wanita sememangnya sudah cemerlang – bilangan wanita dalam politik semakin bertambah, demikian juga dengan halnya bilangan wanita dalam bidang lain – tetapi hakikatnya (sekurang-kurangnya hakikat di bawah sedar penulis) kecemerlangan itu belum mampat sifatnya. Jika diizinkan saya memberi pandangan, penulis belum lagi bersedia menerima bahawa feminisme sudah banyak berjaya. Pada sorotan penulis nisbah wanita berjaya amat sedikit jika dibandingkan dengan wanita yang masih menjadi mangsa dalam pelbagai aspek. Maka itu penulis mahu mengejutkan masyarakat pembaca dari terus terlena dengan hasil perjuangan yang belum konkrit;
2. Rakaman yang tidak banyak tentang keunggulan wanita yang total seolah-olah menggambarkan sorotan penulis yang negatif tentang isu ini. Pada realitinya sememangnya sudah ramai wanita berjaya, tetapi kejayaan itu bukan kejayaan yang tulen. Di belakang setiap wanita ada pemangkinnya, sebagaimana wanita di dalam novel *Bumi Manusia* karya Pramoedya Ananta Toer (1980): "Tanpa seorang lelaki, seorang wanita masih kurang lengkap."

Inilah sifat kejantanan Penulis Pramoedya Ananta Toer yang begitu feminis. Sesungguhnya Pramoedya Ananta Toer dan juga penulis lainnya tidak akan senang melihat wanita boleh berdiri dan berjaya tanpa sandaran kepada mana-mana lelaki. Maka itu Nyai Ontorsoroh (membawa sekadar satu contoh) menjadi mangsa perkosaan dan kemudiannya Herbert Mellema, yang memperkosa gadis itu...membentuk hambanya sampai menjadi manusia baru (Hafiz Arif, 1990: 51). Kejayaan Nyai Ontorsoroh sebagai pengusaha dan pedagang tertakluk kepada usaha Herbert Mellema. Sungguhpun Nyai Ontorsoroh sudah melangkah ke alam bisnes, tetapi statusnya tetap subordinat kepada lelaki kerana ...*the structures of male power were unchangeable, despite the access to them won by women* (Eisenstein, 1988: 139). Hal sedemikian rupa bukanlah suatu fenomena yang baru justeru sistem budaya itu sendiri yang memberi mandat dan nilai kepada peranan dan aktiviti kaum lelaki (Eisenstein, 1988: 20).

Dalam hal ini penulis seringkali melihat aktiviti feminisme sebagai usaha melebihi taraf wanita daripada lelaki. Pada saya tujuan feminisme ialah memberi hak kepada mereka yang berhak. Wanita sebagai manusia mempunyai hak kemanusiaannya dalam masyarakat: dia perlu bersuara tentang isu semasa, dia perlu kepada kemudahan yang disediakan kepada masyarakat. Ini bererti bahawa wanita ini diterima sebagai ahli masyarakat sebagaimana masyarakat menerima lelaki dalam masyarakat. Maka itu adalah kurang menyenangkan jika

FEMINISME: ANTARA ILUSI DENGAN REALITI

dikatakan bahawa tanpa seorang lelaki maka wanita itu kurang sempurna. Saya lebih cenderung berkata bahawa kesempurnaan wanita dan lelaki punya dua tahap:

1. Wanita dan lelaki boleh menjadi lengkap secara sendiri-sendiri.
2. Wanita dan lelaki boleh bergabung usaha untuk saling lengkap-melengkapi antara seorang dengan yang lain.
3. Wujudnya pandangan jagat bahawa kejayaan wanita bukan kejayaan dalaman tetapi kejayaan yang diperkukuhkan oleh unsur di luar diri wanita itu. Kudin di dalam novel *Jalur Sinar di Celah Daun* karya Zaharah Nawawi (1981: 144) meluahkan rasa sangsinya terhadap keunggulan semangat Tijah:

...kadang-kadang dia merasa aneh bila memikirkan bagaimana seorang wanita yang bertulang lembut seperti Tijah boleh menanam habis lima ekar tanah dengan jagung?

"Engkau pakai ilmu kuat dari mana, Jah?" katanya, mengusik.

"Keinginan, keazaman dan kekuatan dari hati," jawab Tijah, berseloroh, tetapi benar.

Bagaimanakah perasaan Dali, suami Tijah yang meninggalkan Tijah untuk merantau mencari untung di negeri orang? Dali "...merasa malu pada dirinya kerana ternyata Tijah lebih berjaya tinggal di Kampung Tasik sendirian dari dirinya yang pergi mencari untung di rantau orang." (hlm. 176). Dali terlupa bahawa Tijah mendapat kekuatan dari ketiadaannya: Tijah perlu hidup, Tijah perlu menyara anaknya Dahlia. Ketiadaan Dali tidak bererti Tijah pupus segala usaha dan daya usaha. Sungguhpun Jeha dan Tijah tidak bersekolah tinggi tetapi Tijah praktik orangnya, punya wawasan dan inisiatif. Kekuatan Tijah ini tidak wujud pada Jeha.

Di sebaliknya N.F Abd. Manaf di dalam cerpen "Kasut Hitler" (Mingguan Malaysia, 16 April 1995) menyorot kebolehan Salome juga turut hilang. Kekuatan Salome datangnya dari kasutnya dan bukan dari keazaman dirinya sebagaimana kekuatan yang wujud pada Tijah dan Datin Sabiha. Maka itulah kita menyaksikan kejayaan Tijah dan Datin Sabiha, dan kegagalan Salome. Kekuatan Salome adalah dari kekuatan semu, yang amat dangkal, yang tidak cambah dari dalam diri dan aspirasinya. Dalam konteks ini saya teringatkan kekuatan Simon (Simon dan Delilah) dan Achilles (pelumba lari terpantas dari Yunani) yang seacuan dengan kekuatan Salome.

Lokman, suami Adila di dalam novel *Senator Adila* karya Khadijah Hashim 1992 juga tidak yakin (dan dia berasa iri hati) dengan kejayaan isterinya itu. Adila yang menyerlah kerjayanya itu sering disindir:

"Tak usahlah hendak bermegah dengan kejayaan awak tu. Kalau berjaya pun adalah kejayaan tuk. Tuk yang sudah menyiapkan tiang dan bumbungnya. Awak cuma macam perhiasan dinding saja..." (hlm. 45)

Lokman tidak dapat menerima bahawa wanita boleh berjaya atas dasar pensyarikatan. Dalam kes ini Datuk Fahmi sememangnya menjadi asas kepada anak tangga

kejayaan Adila. Sindiran Lokman ini hanya memperlihatkan kelemahannya sendiri yang sudah puas dengan diri sendiri sebagaimana pendapat Adila "Awak diajak belajar tidak mahu, cepat berasa puas dengan ilmu yang ada" (hlm. 45). Dan Adila, demi memelihara keharmonian rumah tangganya mengamalkan sikap merendah diri. "Kadang-kadang Adila terpaksa berlakon seperti orang bodoh di hadapan suami semata-mata untuk memberi keyakinan dan menyemarakkan lagi ego seorang lelaki. Kepintaran yang ada terpaksa disimpan sedikit untuk menjaga hati Lokman." (hlm. 45)

Sungguhpun Adila dibentuk datuknya, tetapi Adila berjaya bukanlah di atas jasad yang kosong. Dia memperlengkap diri dengan ilmu, memanfaatkan pengetahuan yang diberikan Profesor Mustakim. Bayangan Datuk Fahmi tidak senantiasa menaungi Adila kerana senator ini membuat keputusan sendiri tentang meleraikan ikatan suami isterinya dengan Lokman tanpa merujuk pendapat Datuk Fahmi (hlm. 108-109).

Tetapi, apakah feminisme itu sesuatu yang *ultimate*? Mariam di dalam cerpen "*Cahaya Kasih*" (Hasidah Disan di dalam *Dari Dalam Diri*) merasai kesepian walaupun dia sudah berada di puncak kariernya.

Jika di pejabat dia memang ketua yang disegani oleh kakitangan bawahannya, dari penolong kanan, setiausaha, jurutaip, para pegawai bahagian, kerani, budak pejabat sampailah kepada pelanggan-pelanggannya. Siapa yang tidak kenal dengan suaranya yang tegas, teguh, penuh keyakinan dan tak dapat dikalahkan. Siapa yang boleh melupakan gaya dan keanggunannya, dengan pakaian berjenama, solekan dan perhiasan, sentiasa rapi terjaga. (hlm. 125)

Mariam yang tegas ini pernah membuat keputusan meninggalkan suami dan anak-anak untuk mengejar cita-cita. Mariam ingin menjadi Normah yang sudah berjaya. Cuma Mariam lupa bahawa Normah tidak punya suami dan anak-anak, dan Normah tidak mengetepikan suami dan anak-anak. Mariam yakin bahawa pengorbanan yang besar amat perlu untuk dia mencapai cita aspirasinya kerana baginya perempuan bukan hanya layak untuk menggendong anak sahaja (hlm 127). Dengan mengorbankan kasih sayang suami dan anak-anak, Mariam berjaya mencipta nama tetapi gagal mencipta kebahagiaan. Hidupnya teramat sunyi: kariernya maju tetapi tidak tahu arah tuju. Maka perasaannya mulalah dilanda resah gelisah dan dia teringatkan anak-anak dan suaminya. Beginilah kiranya wanita dan feminisme. Feminisme itu bukan segala-galanya. Walaupun berada di puncak kejayaan, walau diberi setinggi penghormatan, Mariam masih ada ruang untuk suami dan anak-anak untuk menyempurnakan pencapaian feminisme itu.

Kesimpulan

Sebelum feminisme dapat dipamerkan dengan kukuhnya di dalam lembaran cereka, *weltanschauung* masyarakat perlu dibentuk untuk menerima, secara lahiriah dan batiniah, bahawa wanita dan lelaki punya peranan yang seimbang dalam kehidupan. Budaya mensubordinatkan wanita berdasarkan ciri-ciri fizikal dan ciri-ciri biologikal perlu dikikis. Pandangan jagat yang konvensional perlu diubah (pada lelaki dan juga wanita itu sendiri).

FEMINISME: ANTARA ILUSI DENGAN REALITI

Selagi pandangan jagat sedemikian rupa subur dan teguh dipegang, maka seberapa tinggi pun pencapaian wanita, kecemerlangan itu tidak akan diyakini dan tidak akan dirakam ke dalam lipatan cereka. Jika keadaan sedemikian berpanjangan, realiti feminisme yang semakin hari semakin cemerlang di depan mata akan menjadi ilusi di arena cereka. Maka itu kita perlu buang segala yang mengabui mata, berjuang lebih keras supaya feminisme mantap dan realiti pengertian dan praktiknya yang sebenar agar ilusi itu tidak berpanjangan.

Rujukan

- A. Bakar Hamid, Abdullah Hussain (penyelenggara). 1972. *Hadiah: Antologi Cerpen Pilihan 1966-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Rashid Talu. 1983. *Jakah Salmah?* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Kamal Abdullah, Siti Aisah Murad (penyelenggara). 1994. *Mustika Diri: Bunga Rampai Karya Penulis Wanita 1930-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hafiz Arif. 1990. "Wanita yang Sengsara: Perwatakan Wanita Dalam *Buni Manusia*" dlm. *Dewan Sastera*. Ogos.
- Hashim Awang (penyelenggara). 1981. *Cerita Seorang Seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hester Eisentein. 1988. *Contemporary Feminist Thought*. London: Unwin Paperbacks.
- Khadijah Hashim. 1992. *Senator Adila*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Mona N. Mikhail. 1981. *Images of Arab Women*. Washington D.C: Three Continents Press, Inc.
- Muhammad Yamin Ismail (penyelenggara). 1995. *Dari Dalam Diri*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- N.F Abd. Manaf. 1995. "Kasut Hitler" dlm. *Mingguan Malaysia* 16 April.
- Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi. 1964. *Faridah Hanom 1964*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Zaharah Nawawi. 1981. *Jalur Sinar di Celah Daun*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.